

91  
NO SOALAN :40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN  
(PETALING JAYA SELATAN)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 26.10.2017**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [ PETALING JAYA SELATAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keputusan hasil daripada cadangan tawaran Maju Holdings Sdn Bhd untuk mengambil alih jumlah bernilai RM36 bilion milik Lebuhraya Utara- Selatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 5 September 2017, Maju Holdings Sdn Bhd (Maju Holdings), telah menyerah Surat Hasrat Tanpa Ikatan 4-muka (*Non-Binding Letter of Intent*) untuk mengambil alih PLUS Malaysia Berhad (PLUS). Surat tersebut diserahkan kepada Pengurus pemegang saham PLUS iaitu UEM Group Berhad (UEM Group) dan Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP).

UEM Group merupakan sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) milik penuh dana pelaburan milik Kerajaan iaitu Khazanah Nasional Berhad. UEM Group dan KWSP masing-masing memegang 51% dan 49% kepentingan dalam PLUS iaitu syarikat pengendali lebuh raya terbesar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan berkaitan pengambil alihan PLUS. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut mestilah praktikal untuk mengelakkan nasib yang dialami oleh Perwaja yang telah diswastakan hanya untuk ditutup kemudian. Cadangan pengambil alihan tersebut tidak boleh dilihat semata-mata dari sudut untuk tidak menaikkan caj tol selama beberapa tahun dan kos penyelenggaraan yang rendah. Ia juga perlu menepati keperluan Kerajaan dan ini termasuk kemampuan operasi dan kewangan untuk mengurus Lebuhraya Utara-Selatan dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, cadangan pengambil alihan PLUS perlu disokong dengan punca pendanaan yang jelas dan kukuh serta keupayaan operasi

untuk memastikan pengendali aset strategik negara ini tidak berdepan dengan permasalahan kewangan sekiranya berlaku kejutan ekonomi (*economic shock*), mahupun keteruapan pertukaran mata wang asing (*foreign exchange volatility*). Hal ini penting bagi memastikan Kerajaan tidak perlu menyelamatkan ataupun, dengan izin, *bailout* PLUS sekiranya perkara yang tidak diingini terjadi.

Dalam hal ini, Kerajaan memandang serius akan kedudukan kewangan serta kemampuan entiti persendirian seperti Maju Holdings untuk membiayai cadangan pengambil alihan korporat ini.

Oleh kerana terdapat ketidakpastian dan risiko berkaitan kemampuan serta sumber pendanaan yang tidak jelas, Kerajaan buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk melepaskan pegangan dalam PLUS kepada Maju Holdings.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP  
[SEKIJANG]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 41**

Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini tindakan undang-undang terhadap pelaku kejadian serangan pesawat MH17 selepas Malaysia memeterai memorandum persefahaman (MoU) mengenai Sokongan Politik Untuk Mendakwa Dalang Di Sebalik Terhempasnya MH17 pada September lalu.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, negara-negara yang diwakili dalam *Joint Investigation Team* (JIT) iaitu Australia, Belanda, Belgium, Malaysia dan Ukraine telah bersetuju supaya opsyen pendakwaan nasional yang dilaksanakan di bawah sistem perundangan Belanda dipilih sebagai opsyen pendakwaan terbaik berbanding opsyen pendakwaan melalui tribunal jenayah antarabangsa yang ditubuhkan melalui suatu statut khusus.

Susulan daripada itu, Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding* – MoU) untuk meraih sokongan politik untuk mendakwa pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri Luar Negeri dari kesemua negara yang diwakili dalam JIT pada 20 September 2017 semasa Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations General Assembly* – UNGA) di New York, Amerika Syarikat. Objektif MoU tersebut adalah bagi menyatakan sokongan politik negara-negara yang diwakili dalam JIT bagi melaksanakan pendakwaan nasional di bawah sistem perundangan Belanda.

Pada masa ini, Malaysia bersama-sama negara-negara yang diwakili dalam JIT sedang meneruskan perbincangan mengenai kerja-kerja persediaan bagi pelaksanaan pendakwaan nasional tersebut termasuklah memperhalusi draf MoU mengenai sokongan kewangan bagi memperoleh komitmen negara-negara JIT untuk membiayai secara bersama kos pelaksanaan pendakwaan di Belanda kelak.

Sebarang tindakan undang-undang terhadap pelaku kejadian serangan pesawat MH17 ini adalah tertakluk kepada hasil siasatan jenayah yang sedang dijalankan oleh pihak JIT bagi mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17.